

12 MAR 2000

Umno-Selangor

200 ANGGOTA UMNO S'GOR DISIASAT KERANA BANTU PEMBANGKANG

KUALA SELANGOR, 12 Mac (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Selangor sudah menghantar senarai nama 200 anggotanya yang dipercayai terbabit menentang parti Barisan Nasional pada pilihan raya umum baru-baru ini kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno.

Menteri Besar, merangkap pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata jumlah itu tidak termasuk 129 anggota yang sudahpun dipecat kerana kesalahan yang serupa.

Beliau berkata semua yang dipecat merupakan mereka yang secara terang menjadi pencadang, penyokong serta berkempen untuk calon pembangkang pada pilihan raya itu.

"Bagi 200 yang lain pula, senarai nama sudah dihantar, kini terpulang kepada jawatankuasa tersebut untuk menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya," katanya pada sidang berita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuala Selangor yang dihadiri oleh 293 perwakilan di sini hari ini.

Katanya tindakan mereka yang sedang disiasat itu jelas menunjukkan bahawa mereka tidak taat setia kepada parti dan perjuangan, dan tindakan sewajarnya harus dikenakan ke atas mereka.

Katanya jumlah anggota paling ramai diambil tindakan di Selangor adalah di Bahagian Sepang yang sehingga kini 74 anggotanya sudah dipecat.

Abu Hassan yang juga merupakan Ketua Umno Bahagian Kuala Selangor berkata tiga daripada mereka yang dipecat adalah anggota Umno dari Bahagiannya sendiri iaitu Fauziah Sulaiman, Zubir Muda dan Sharif H.M. Sidek.

Dalam ucapannya pada majlis perasmian mesyuarat pagi ini, Abu Hassan berkata Umno akan gagal meyakinkan masyarakat mengenai betapa penting atau relevannya parti itu jika anggota Umno sendiri mudah dibuai oleh pelbagai tohmahan dari musuh-musuh Umno.

"Oleh itu kita mesti berusaha dengan lebih gigih lagi bagi meyakinkan keluarga kita, ahli-ahli kita, saudara mara kita dan masyarakat umum pada keseluruhannya bahawa Umno tetap relevan dan penting bagi masa depan rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, Mesyuarat Perwakilan Umno Kuala Selangor hari ini sebulat suara menyokong supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti dikekalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi calon naib presiden pula, Bahagian itu mencalonkan Abu Hassan, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

-- BERNAMA

KM AZH RHM